

Pilihan raya Sarawak mungkin

BH 1 SEP 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pilihan raya negeri Sarawak kelapan dijangka diadakan pada minggu ketiga September ini, jika Dewan Undangan Negerinya (DUN) dibubarkan minggu depan.

Hari penamaan calon pula kemungkinan besar diadakan pada akhir minggu kedua. Jika ini berlaku bermakna hari mengundi akan ditetapkan selepas cuti sekolah 12 hari yang berakhir 18 September ini.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, ketika dihubungi berkata pihaknya akan menetapkan tarikh pena-

maan calon dan hari mengundi sebaik saja dimaklumkan secara rasmi mengenai pembubaran DUN.

"Kemudian kami akan bermesyuarat untuk menentukan tarikh itu. Kami tidak terikat kepada cuti sekolah apabila memutuskan tarikh penamaan calon atau hari mengundi.

"Kami tidak ada kriteria tertentu untuk berbuat demikian. Malah, ketika menentukan tempoh untuk berkempen, kami lebih mengambil kira soal keselamatan.

"Jika tempoh berkempen terlalu panjang, mungkin perkara tidak diingini boleh berlaku dalam keha-

ngatan berkempen. Jika terlalu pendek pula nanti kami dituduh tidak adil (oleh parti pembangkang)," katanya.

Semalam, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menyatakan bahawa tarikh pembubaran DUN Sarawak bagi membolehkan pilihan raya negeri ke-8 diadakan, akan diketahui Isnin ini apabila beliau menemui Yang Dipertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin, untuk memaklumkan tarikh pembubaran itu.

Jika Yang Dipertua Negeri menandatangani writ pembubaran itu Isnin ini, maka ia akan berkuatku-

asa pada keesokan harinya iaitu Selasa. Pada hari yang sama, ia akan dimaklumkan kepada SPR, yang biasanya bermesyuarat dalam tempoh empat atau lima hari kemudian.

Kebiasaannya, penamaan calon diadakan selepas lebih seminggu pembubaran DUN dan pengundian diadakan dalam tempoh dua minggu kemudian.

Pada pilihan raya negeri 1996, Abdul Taib mengumumkan pembubaran DUN pada 15 Ogos, kemudian SPR menetapkan penamaan calon pada 27 Ogos dan pengundian pada 7 dan 8 September 1996 ia-

selepas cuti sekolah

itu tempoh berkempen 11 hari.

Berdasarkan perkembangan semasa, hari penamaan calon kali ini kemungkinan besar diadakan sekitar 12 atau 13 September (Rabu atau Khamis), bukan kelazimannya iaitu pada Sabtu.

Ini kerana, Sabtu 15 September adalah hari sambutan hari jadi Yang Dipertua Negeri dan pada hari yang sama, Yang Dipertuan Agong akan melawat Sarawak untuk menutup perayaan Hari Kemerdekaan pada 16 September di Sibu yang dijangka turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad.

Malah, Dr Mahathir dijangka sekali lagi melakukan lawatan ke Sarawak pada 22 September dan menurut sumber, pada waktu itu kempen pilihan raya mungkin sedang hangat.

Berdasarkan hakikat ini, hari mengundi berkemungkinan besar diadakan selepas lawatan Dr Mahathir iaitu pada Ahad 23 September atau Isnin, 24 September.

Jika andaian itu betul, bermakna tempoh berkempen kali ini ialah sekitar sembilan atau 10 hari saja.

Ketika ditanya mengenai tempoh kempen yang

ideal, Abdul Rashid berkata pihaknya perlu mengambil kira keadaan sekitar, termasuk soal keselamatan.

"Berdasarkan pilihan raya sebelum ini, tempoh kempen ini tidaklah begitu lama sangat. Kempen ini sebenarnya tidak perlu sangat kerana pengundi kini sudah tahu siapa calon mereka. Tempoh itu cuma untuk memperkenalkan calon yang baru bagi merapatkan silaturahmi," katanya.

Barisan Nasional (BN) kini menguasai 58 daripada 62 kerusi dewan, Bebas tiga dan DAP satu.